MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

http://www.parlimen.gov.my

HARI ISNIN, 3 DISEMBER 2012, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 18

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1253-L15730
Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa kos sebenar implementasi AES di seluruh negara, jumlah kamera dan kos penyelenggaraan setiap satu bagi setiap tahun operasi.

2. PN-1253-L15780
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah skim pelaburan emas yang diketahui beroperasi di Malaysia, dan bagaimanakah membezakan skim yang sah daripada segi undang-undang atau sebaliknya.

3. PN-1253-L15695
Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah perancangan serta mekanisme yang digunakan oleh Kementerian dalam memastikan agar harga komoditi utama negara seperti getah dan kelapa sawit sentiasa kekal stabil bagi menjaga peladang tempatan memandangkan pasaran dunia dalam komoditi sedemikian dilihat tidak stabil.

4. PN-1253-L15740
Dato' Jaspal Singh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah identiti seseorang pelapor terhadap aduannya mengenai kes-kes berkaitan aktiviti haram dan tidak berlesen akan dilindungi bagi memastikan keselamatannya tidak tergugat. Adakah pelapor boleh melaporkan berkaitan sesuatu kegiatan perniagaan yang haram tanpa mendedahkan identitinya dan sama ada Kementerian bercadang melancarkan aktiviti 'Whistle Blowing'.

5. PN-1253-L15437
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah usaha yang telah dilakukan di dalam memastikan kejayaan terhadap perancangan menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan di dunia dan sejauh manakah pihak Kementerian membantu institusi-institusi pengajian tinggi Islam di negara ini mempertingkatkan reputasi terutama ke arah menaik taraf sebagai Kolej Universiti atau Universiti.

6. PN-1253-L15490
Dato' Nalla K. S. minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai program latihan keusahawanan untuk usahawan-usahawan luar bandar khususnya para belia India yang sedang menganggur untuk menggalakkan mereka berdikari sebagai usahawan berasaskan pertanian dan kalau ada, berapakah jumlah peserta kaum India yang mengambil bahagian.

7. PN-1253-L15368
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah cadangan pelaksanaan mewajibkan umur persaraan pekerja swasta kepada 60 tahun dan adakah Kermenterian bercadang untuk mewajibkan semua pekerja swasta mencarum KWSP sehingga berumur 60 tahun.

8. PN-1253-L16130
Tuan Baharudin bin Abu Bakar minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang keberkesanan Program 6P oleh pihak Kerajaan. Apakah ia mencapai matlamat kerana masih banyak pendatang tanpa izin yang tidak mendaftar di bawah program ini dan buktinya masih ramai PATI yang ditangkap melalui operasi-operasi yang dijalankan oleh pihak berkuasa.

9. PN-1253-L15894
Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status projek-projek perumahan yang sering kali terbengkalai terutamanya projek di bawah SPNB di seluruh Malaysia dan apakah usaha-usaha Kementerian dalam mengatasi perkara ini.

10. PN-1253-L15914
Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan daripada seramai 3,500 orang wanita seluruh negara (dengan sasaran 4,000 sehingga 31/12/2012) telah berjaya dalam Program 1AZAM. Berapa orangkah daripada mereka dari negeri Sarawak dan dalam bidang/kategori apakah yang mereka ceburi.

11. PN-1253-L15517
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang jumlah dan jenis aduan ketika Kerajaan melaksanakan Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk melicinkan lagi pelaksanaan pemberian BR1M yang akan datang.

12. PN-1253-L15763
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan prestasi pelancongan negara pada tahun 2011 daripada segi kedatangan pelancong asing, penjanaan pendapatan daripadanya serta kedudukan negara di peringkat dunia daripada segi kehadiran pelancong.

13. PN-1253-L15364
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-

(a) pandangan Kementerian bahawa hanya Universiti Malaya (UM) menjadi satu-satunya wakil negara yang berjaya menempatkan kedudukan di kelompok 200 universiti terbaik di dunia; dan

(b) bagaimana Kementerian melihat konsep Universiti Penyelidikan mampu menaikkan taraf sesebuah universiti seperti yang diserapkan oleh kebanyakan universiti terkemuka dunia hari ini.

14. PN-1253-L15635
Tuan Khoo Soo Seang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap “risk management” dan “risk reduction”. Adakah Kerajaan berpendapat bahawa “risk reduction” adalah lebih penting dan lebih berkesan daripada “risk management”.

15. PN-1253-L15696
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) jumlah terkini pengamal perubatan yang digantung keanggotaan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC) kerana melanggar kod Etika Profesional di bawah Akta Perubatan 1971; dan

(b) apakah jenis dan bentuk kesalahan yang sering dilakukan oleh pengamal perubatan tersebut dan bagaimana Majlis Perubatan Malaysia (MMC) memantau kegiatan tersebut demi menjaga kepentingan awam.

16. PN-1253-L15549
Puan Norliza binti Abdul Rahim minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam memastikan lebih ramai rakyat Malaysia mampu memiliki rumah selari dengan pertambahan penduduk dan warga kerja.

17. PN-1253-L16003
Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian menjalankan pemantauan dan pemeriksaan ke atas pasar raya besar yang didapati menjual produk makanan yang melepasi tarikh luput serta mempamerkan logo halal swasta yang tidak diiktiraf.

18. PN-1253-L15833
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan Malaysia ada menandatangani sebarang perjanjian penukaran banduan dengan Kerajaan Thailand bagi membolehkan banduan warganegara Malaysia yang telah dijatuhkan hukuman dan menjalani hukuman penjara di Thailand dihantar pulang ke Malaysia selepas menjalani hukuman untuk tempoh tertentu bagi membolehkan mereka menghabiskan baki tempoh pemenjaraan mereka di Malaysia dan begitu juga sebaliknya. Sekiranya tiada, mengapa.

19. PN-1253-L15597
Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah aduan yang telah dibuat oleh pekerja-pekerja yang terdiri daripada rakyat Malaysia dan pekerja-pekerja migran di Pejabat Tenaga Kerja sejak tahun 2000 hingga 2012 menurut pecahan tahun dan berapakah jumlah kes-kes yang telah diselesaikan tanpa dibicara di mahkamah.

20. PN-1253-L15587
Datuk Maijol bin Mahap minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada kursus ijazah luar kampus Universiti Utara Malaysia (UUM) di Kota Kinabalu kini sudah mendapat pengikhtirafan daripada Agensi Kelayakan Negara (MQA).

21. PN-1253-L15739
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah-langkah keselamatan yang diambil bagi membendungkan aktiviti 'scam' atau skim cepat kaya yang makin tersebar melalui kaedah biasa dan online. Apakah bilangan kes yang telah dilaporkan terhadap aktiviti 'scam' dan skim cepat kaya bagi tahun 2010-2012 dan bilangan rakyat yang telah dipengaruhi dan kehilangan duit melalui aktiviti ini.

22. PN-1253-L15536
Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes kecurian wang daripada mesin-mesin ATM sehingga kini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak polis untuk memastikan kecurian seperti ini tidak berulang.

23. PN-1253-L15425
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah kejayaan Projek Multimedia Super Corridor (MSC) semenjak ia dilancarkan.

24. PN-1253-L16105
Dr. S. Ramakrishnan minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-

(a) peruntukan yang diberikan kepada setiap stesen radio di bawah RTM untuk tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013; dan

(b) mengapa tiada program-program yang informatif seperti program Bual Bicara, Forum dan sebagainya di stesen radio Minnal FM kerana saya dapati stesen radio itu banyak menghidangkan program-program berbentuk hiburan.

25. PN-1253-L15450
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian sedar terdapatnya jurang yang wujud daripada segi kemajuan dan daya tarikan pelabur luar serta aktiviti-aktiviti yang berlangsung di antara Koridor Iskandar Malaysia yang jelas pesat membangun jika dibandingkan dengan Koridor Utara, Koridor Timur, SCORE dan SDA yang kurang mendapat publisiti.

26. PN-1253-L16081
Datuk Hj Saat bin Hj Abu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan penggunaan cermin gelap untuk kenderaan dibenarkan dipakai kepada kenderaan awam dengan cara mengenakan caj kepada pengguna pada setiap tahun seperti bayaran cukai jalan kenderaan sehingga 1.5 dibayar RM30 setiap tahun, kenderaan 1.5 sehingga 3.0 dibayar RM60 setiap tahun dan kenderaan umum bas-bas pelancong RM100 setiap tahun.

27. PN-1253-L15958
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah jumlah belanja untuk iklan 1Malaysia dan Janji Ditepati, dengan memberikan juga tiga buah negeri yang tertinggi belanjanya. Berikan Kementerian, jabatan dan badan bukan Kerajaan yang menjadi sumber kewangan dan jumlahnya.

28. PN-1253-L16113
Dr. S. Ramakrishnan minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah status pengeksportan sarang burung walit ke Negara China. Adakah Kementerian melantik satu agen atau syarikat tunggal untuk eksport ke Negara China.

29. PN-1253-L15487
Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) tindakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) terhadap permit teksi yang tidak aktif; dan

(b) adakah cadangan untuk menyeragamkan dekorasi dan penampilan teksi dengan hanya menggunakan satu logo, warna dan serta identiti bagi tujuan penambahbaikan dan imej yang lebih menonjol.

30. PN-1253-L15693
Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil ke atas NGO-NGO yang gagal menyimpan rekod serta pendaftaran mereka dengan lengkap dan memenuhi syarat penubuhan dan berikan jumlah keseluruhan NGO yang berdaftar sehingga kini di seluruh negara.

31. PN-1253-L15575
Datuk Pau Chiong Ung minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) jumlah graduan-graduan yang telah pun berjaya melalui Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) semenjak pelancarannya dan apakah keputusan daripadanya; dan

(b) jumlah Syarikat GLC dan Swasta yang menyertai SL1M dan apakah insentif atau kebaikan yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang menyertai skim ini.

32. PN-1253-L15452
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pelaksanaan 'Panduan Industri Kecantikan' yang dijangka siap pada pertengahan tahun ini dan nyatakan sebab-sebab panduan berkenaan tidak diumumkan sehingga sekarang.

33. PN-1253-L15984
Dr. Syed Husin Ali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional penawaran jawatan Kerajaan bertaraf kelulusan SPM kepada graduan berkelulusan Sarjana Muda.

34. PN-1253-L15616
Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa lama pembinaan Jambatan Sultan Yahya Kedua di Kota Bharu Kelantan telah tertangguh dan mengapa ia tertangguh.

35. PN-1253-L15687
Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penglibatan warga Afrika dalam pelbagai kegiatan jenayah yang semakin serius, bahkan menunjukkan peningkatan semakin mengerunkan dan dilaporkan kerugian oleh sindiket ini mencecah sehingga RM500 juta pada tahun ini.

36. PN-1253-L15665
Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria yang digunakan oleh TERAJU untuk syarikat Bumiputera disenaraikan sebagai Syarikat Teras dan apakah kemudahan yang diberikan kepada syarikat-syarikat ini untuk terus maju.

37. PN-1253-L15676
Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah ibu tunggal yang telah mengambil bahagian dalam Program Inkubator Keusahawanan Ibu Tunggal (IKIT) dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjamin keberkesanan program ini.

38. PN-1253-L15884
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah keyakinan Kementerian berkaitan penerimaan dan pemahaman rakyat dalam mendalami Gagasan 1Malaysia hasil pelancaran 3 buah buku 1Malaysia dalam usaha memudahkan rakyat memahaminya secara intelektual dan lebih mendalam.

39. PN-1253-L16093
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penggunaan kad debit dikenakan caj sebanyak 3 peratus oleh pemilik kedai melalui penggunaan kad debit sedangkan ia adalah kad yang menggunakan duit kita yang telah sedia dideposit di bank berkenaan, bukan seperti kad kredit yang menggunakan duit bank untuk membayar transaksi. Apakah langkah-langkah Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

40. PN-1253-L15595
Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan anak tidak sah taraf yang dilahirkan mengikut negeri, agama, bangsa dan umur ibu daripada tahun 2008 hingga sekarang (November 2012).

41. PN-1253-L15559
Dato' Lim Nget Yoon minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Bandaraya Kuala Lumpur.

42. PN-1253-L15505
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang pelaksanaan AES di Malaysia. Apakah ianya wajar dilaksanakan di simpang-simpang yang telah dikenal pasti oleh Kementerian sedangkan jalan-jalan berkenaan ada yang belum dinaik taraf. Apakah sistem AES ini mampu mengurangkan kemalangan, jika ya, nyatakan di simpang mana/jalan mana yang telah dilaksanakan "pilot project" kepada AES di bandar-bandar utama seperti; Kuala Lumpur, Rawang dan Johor Bahru.

43. PN-1253-L15805
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci profil dana pelaburan yang diuruskan oleh KWSP sekarang ini dan berapakah yang di dalam bentuk pelaburan yang patuh syariah. Apa langkah-langkah KWSP bagi menentukan kadar dividen yang stabil kepada pencarum.

44. PN-1253-L16022
Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah langkah-langkah Kerajaan gagal untuk mengawal kemasukan warga asing yang berleluasa ke negara kita terutama peningkatan "internet scam" (penipuan) dan berbagai kegiatan jenayah serta sindiket penjenayah profesional yang menimbulkan perasaan takut dan tidak selamat yang di alami oleh rakyat tempatan. Apakah langkah-langkah sebenar yang telah diambil setakat ini. Berapa dan apakah kes-kes yang telah dapat diselesaikan.

45. PN-1253-L15392
To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan individu yang mendaftar sebagai pembayar cukai pendapatan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 dan nyatakan jumlah yang layak dikenakan cukai serta nyatakan jenis pelepasan cukai dan rebat kepada pembayar cukai individu.

46. PN-1253-L15766
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan status kenaikan pangkat secara Time-Based (8-8-6-3) dari Gred DG41 ke DG44, DG48, DG52 dan DG54 bagi guru-guru siswazah di bawah lantikan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang mengajar di Institusi Pendidikan MARA selaras dengan dasar kenaikan pangkat yang diluluskan oleh Kerajaan serta data terkini berhubung perjawatan guru siswazah ini dan bilakah tarikah perlaksanaan kenaikan pangkat ini akan dilaksanakan.

47. PN-1253-L16123
Dr. S. Ramakrishnan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian buat kajian teliti kenapa:-

(a) pelajar bukan Melayu menjauhi sekolah kebangsaan dan memilih sekolah-sekolah vernakular. Apakah penemuan; dan

(b) mengapa pengambilan di sekolah-sekolah antarabangsa meningkat.

48. PN-1253-L15862
Dato' Boon Som a/l Inong minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan warga asing yang memohon kewarganegaraan Malaysia, bilangan rakyat Malaysia yang memohon menukar kewarganegaraan kepada warga asing serta bilangan bekas warganegara Malaysia yang memohon untuk kembali menjadi warganegara, dalam tempoh 10 tahun terakhir, mengikut pecahan negara, serta apakah punca yang menyebabkan ada rakyat Malaysia memohon menukar kewarganegaraan dan memohon untuk kembali menjadi warga negara ini.

49. PN-1253-L15530
Datuk Kadzim M. Yahya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada siasatan atau tindakan telah diambil oleh SPRM mengenai pemilikan saham bernilai jutaan ringgit oleh YB. Tuan Azmin Ali semasa beliau masih lagi berkhidmat sebagai penjawat awam.

50. PN-1253-L15945
Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah zon bebas cukai di negara ini dan sejauh manakah ia menyumbang kepada ekonomi negara.

51. PN-1253-L15713
Tuan Chiew Lian Keng minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan perkhimatan bas daripada segi kekerapan dan integriti pemandu bas di kawasan perumahan terutamanya di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR), Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia dan kawasan rumah pangsa kos rendah serta kawasan perumahan kos rendah.

52. PN-1253-L15680
Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi ke arah memperkasa kedudukan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam Antarabangsa dan kesan terhadap pelaksanaan proses liberalisasi dalam indusrti kewangan Islam.

53. PN-1253-L15991
Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berikutan penahanan dua individu di Lebanon yang disyaki mempunyai kaitan dengan pengganas, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memantau dan membanteras kumpulan pengganas daripada menggunakan Malaysia sebagai tempat memilih militan.

54. PN-1253-L15927
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah sebabnya filem Tanda Putera arahan Suhaimi Baba masih belum ditayangkan sedangkan pihak Lembaga Penapis Filem telah lama meluluskannya. Adakah benar penangguhan ini disebabkan bantahan pihak DAP yang takut tembelang mereka akan terbongkar kembali berkaitan adegan Peristiwa 13 Mei dalam filem tersebut.

55. PN-1253-L16032
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

(a) apakah masalah-masalah utama yang sedang dihadapi oleh Generasi Y di Malaysia; dan

(b) apakah tindakan atau program-progam yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

56. PN-1253-L15539
Tuan Lihan Jok minta **MENTERI LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kementerian akan menjalankan penyelenggaraan jalan-jalan kayu balak menghubungi beberapa rumah panjang di pedalaman kawasan P.220 Baram seperti mana yang telah diluluskan dan dijanjikan oleh Kerajaan Pusat.

57. PN-1253-L15591
Datuk Maijol bin Mahap minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah pemegang 1MM13 di Sabah mengikut tahun sejak ia dikeluarkan kepada orang asing dalam tahun 1970-an dan berapa orang daripada mereka ini yang telah diberikan status Penduduk Tetap dan warganegara Malaysia.

58. PN-1253-L15929
Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan buku-buku ilmiah dalam Bahasa Malaysia di peringkat universiti.

59. PN-1253-L15369
Puan Hajah Rohani binti Abdullah minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes pemerdagangan manusia khasnya wanita, kanak-kanak, penyeludupan dadah, keganasan dan jenayah siber bagi tahun 2009 hingga 2011 yang melibatkan Negara China, Vietnam, Thailand, Filipina dan Indonesia.

60. PN-1253-L15970
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapa tiada penguatkuasaan dilaksanakan apabila calon-calon MPP di IPTA yang bertanding dalam bentuk berkumpulan atau parti contohnya Aspirasi sedangkan ia melanggar peraturan pemilihan kampus.

61. PN-1253-L15806
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah kesannya terhadap kerja-kerja ibadah korban pada tahun ini akibat peraturan baru yang dikenakan oleh pihak berkuasa Australia. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk menstabilkan semula harga lembu di samping meningkatkan mutu penyembelihan di negara ini.

62. PN-1253-L15468
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskan lagi pemberian insentif wang tunai oleh Polis Pulau Pinang untuk pegawai dan anggota polis yang berjaya membanteras kes jenayah ke seluruh negara. Jika ya, berikan sebab-sebabnya.

63. PN-1253-L15759
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan garis panduan perancangan yang telah Kementerian hasilkan setakat ini dan senaraikan garis-garis panduan perancangan tersebut. Adakah garis-garis panduan ini telah diterima pakai dan dilaksanakan oleh PBT-PBT di seluruh negara.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1.	(D.R. 30/2012)	Rang Undang-undang Perubatan Tradisional dan Komplementari 2012 **[Menteri Kesihatan]**	**Bacaan Kali Yang Kedua**
2.	(D.R. 33/2012)	Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 2012 **[Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar]**	"
3.	(D.R. 34/2012)	Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 **[Menteri Dalam Negeri]**	"
4.	(D.R. 36/2012)	Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2012 **[Menteri Sumber Manusia]**	"
5.	(D.R. 37/2012)	Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2012 **[Menteri Di Jabatan Perdana Menteri]**	"
6.	(D.R. 32/2012)	Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012 **[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**	"
7.	(D.R. 40/2012)	Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan 2012 **[Menteri Kewangan]**	"
8.	(D.R. 41/2012)	Rang Undang-undang Perkhidmatan Kewangan Islam 2012 **[Menteri Kewangan]**	"
9.	(D.R. 31/2012)	Rang Undang-undang Perbekalan 2013 **[Menteri Kewangan]**	"
10.	(D.R. 35/2012)	Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2012 **[Menteri Kewangan]**	"

11.	(D.R. 39/2012)	Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2012 **[Menteri Kewangan]**	“
12.	(D.R. 38/2012)	Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2012 **[Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]**	“
13.	(D.R. 43/2012)	Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2012 **[Menteri Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan]**	“
14.	(D.R. 42/2012)	Rang Undang-undang Binatang (Pindaan) 2012 **[Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani]**	“

15. PN-1253-U15525
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya disegerakan proses memansuhkan hukuman mati mandatori berdasarkan kepada maklumat berikut:- Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, beliau akan mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam masa terdekat bagi membincangkan mengenai satu inisiatif akan dilakukan bagi mewujudkan moratium (penangguhan) terhadap hukuman mati terhadap mereka yang didapati bersalah memiliki dadah. Mohamed Nazri menegaskan yang Kerajaan sedang menimbang cadangan menangguhkan pelaksanaan hukuman mati terhadap pesalah dadah di negara ini sementara menunggu hasil kajian semula yang dijalankan Pejabat Peguam Negara.Katanya hukuman ganti kes pemilikan dadah sedang dikaji Pejabat Peguam Negara. Sementara, Mohamed Nazri akan berbincang dengan Perdana Menteri supaya kes pemilikan dadah, mereka yang dijatuhi hukuman (mati), akan diminta moratium, jangan digantung sebab Kerajaan kita sedang meneliti hukuman sedia ada.Mohamed Nazri juga berkata, permohonan moratium itu wajar memandangkansebahagian daripada 900 orang yang sedang menunggu hukuman mati ketikaini adalah pesalah dadah.Perlu disebut, kajian ini dilakukan bertujuan menyelamatkan nyawa rakyat Malaysia di luar negara seperti China, Columbia, Peru dan Venezuela yang berdepan hukuman mati akibat menjadi keldai dadah.

Antara hukuman terbaik bagi menggantikan hukuman mati mandatori bagi pesalah dadah, Mohamed Nazri berkata, hukuman penjara 30 atau 35 tahun boleh dikenakan kerana kesalahan itu tidak lagi dianggap serius seperti jenayah pembunuhan. Jika hukuman mati mandatori bagi kesalahan dadah dimansuhkan, hakim akan menggunakan budi bicara dalam menentukan hukuman bagi pesalah dadah. Justeru, berdasarkan kepada senario berkaitan, saya mencadangkan agar Kerajaan mempercepatkan proses berkenaan. Jika perlu, satu jawatankuasa khas di peringkat Parlimen wajar diadakan. Ini penting demi untuk keharmonian dan kemakmuran sejagat dan kebajikan kepada keluarga para pesalah."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

16. PN-1253-U15526
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan dan mengesa agar kebebasan media berlaku secara sistematik, berhemah dan berintegriti.Tanggapan kebebasan media bagi pemimpin politik berdasarkan kebebasan untuk media yang hanya menyebelahi mereka dan yang seiring dengan mereka sahaja. Politik dan media sememangya saling memerlukan. Orang politik memerlukan media untuk mempromosi diri dan wawasan mereka dan media pula memerlukan ahli politik sebagai bahan penulisan mereka. Lazimnya hubungan antara ahli politik dan media bagaimanapun tidak selalu kekal harmoni sepanjang masa.Lazimnya ahli politik akan menyanjung media apabila cerita-cerita positif tentang mereka dilaporkan. Namun begitu,apabila berita yang dilaporkan itu tidak positif, media akan dipersalahkan kononnya untuk menjatuhkan reputasi ahli politik terlibat. Kini telah menjadi satu trend apabila media dijadikan “punching bag” oleh ahli politik untuk menafikan berita yang tidak memihak kepada mereka. Ironinya, pihak yang menjadikan media sasaran saman yang rata-rata angkanya mencecah jutaan ringgit dan pihak sama juga yang melaung-laungkan tentang kebebasan bersuara dan menuntut kebebasan media di negara ini.Keadaan berkenaan bukan melibatkan ahli politik sahaja tetapi meliputi sebuah masyarakat dalam konteks kebebasan media. Dan pengamal media yang berintegriti tidak takut untuk mempersembahkan berita berdasarkan fakta. Berani kerana benar. Mereka tidak takut dikritik mahupun menerima kutukan oleh pelbagai pihak. Justeru, bagi menentukan kebebasan media berlaku secara sistematik, berhemah dan berintegriti, apakah pihak Kementerian sedang merangka atau menggubal ke arah mana media negara ini sedang berada. Apakah kerajaan sedar bahawa satu majlis media kebangsaan perlu diwujudkan dan pertubuhan rasmi ini akan menjadi pemantau bagi kedua-dua pihak iaitu pengamal media dan masyarakat. "

[Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]

17. PN-1253-U15527
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar institusi kewangan mempertimbangkan untuk mempermudahkan pemberian pinjaman kepada pencipta produk inovasi termasuk membabitkan teknologi hijau dalam usaha melahirkan lebih ramai lagi generasi pencipta. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili menegaskan bahawa sehingga kini banyak syarikat yang mahu membuat pinjaman untuk menjayakan penciptaan sesuatu produk, namun tidak dapat berbuat demikian ekoran syarat ketat institusi kewangan.Justeru, kerana mereka tidak mempunyai rujukan kejayaan lampau ciptaan berkenaan dan menganggap ia sukar dipasarkan. Untuk tujuan itu, pihak kementerian wajar membentuk satu jawatankuasa khas dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta Kementerian Kewangan untuk menyelaras kaedah bagi membantu pencipta terbabit. Kita juga berharap agar peserta atau pemohon dibantu dengan segera, sekali gus dapat menyelesaikan masalah pertimbangan insitusi kewangan yang memproses permohonan itu mengikut prinsip perbankan biasa. Saya juga mencadangkan agar insitusi kewangan mempertimbangkan untuk memberi nilai kepada hak intelek sesuatu produk inovasi yang dibentangkan pencipta bagi proses permohonan pinjaman. Jika ini dapat dilakukan, sudah pasti akan membantu dan menggalakkan para pencipta untuk menghasilkan produk yang bukan sahaja dapat memanfaatkan kepada masyarakat, bahkan dikomersialkan bagi menjana pendapatan yang tinggi."

[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]

18. PN-1253-U15528
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyarankan agar penglibatan sektor swasta juga diambil kira dalam memantapkan Pelan Pembangunan Pendidikan (PPP) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini yang menekankan kepada konsep ilmu yang mampu dimanfaatkan oleh generasi yang akan datang iaitu selari dengan tuntutan semasa dunia/global. Pelan berkenaan cukup rapi dan kemas di dalam mencipta hala tuju negara ke arah negara maju pada tahun 2020. Pelan yang mantap berkenaan semestinya memerlukan pemahaman dan pelaksanaan yang strategik di kalangan warga pendidik, ibu bapa dan para pelajar. Pelan yang mempunyai tiga gelombang iaitu pada 2013-2015; 2015-2020 dan 2020-2025 itu telah mengambil kira pelbagai harapan, rintangan, cabaran, situasi dunia dan perkembangan kemahiran di kalangan masyarakat. Contohnya, apakah vokasional dan kemahiran (hand-on) telah dihidupkan dan diperkemaskan yang wajar diperkembangkan kepada para pelajar di peringkat sekolah menengah lagi.

Ianya sebagai usaha untuk mengimbangi di antara ilmu bersifat akademik dan bersifat kemahiran.Kedua-duanya sudah pasti akan menjadikan negara kita lebih maju di dalam aspek pelajaran dan pembelajaran. Menyedari hakikat berkenaan, saya merasakan pelan berkenaan akan lebih mantap sekiranya peranan sektor swasta diambil kira. Pihak swasta akan menjadi pemangkin kepada konsep pembelajaran sepanjang hayat. Semua firma dan kilang-kilang bertaraf antarabangsa perlu melaksanakan CSR mereka dan memberi ruang/ peruntukan kewangan kepada para pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Konsep ini telah dilaksanakan dengan jayanya di Australia dan Jerman.Sementara, para pelajar lepasan institusi kemahiran perlu difikirkan tentang ganjaran kepada mereka melebihi daripada yang berasaskan akademik semata-semata. Di masa sama, universiti awam/swasta hendaklah diperbanyakkan di negara ini sehingga peringkat PhD. Lebih penting supaya hasrat pelan ini menjadi kenyataan selari dengan Model Baru Ekonomi (MBE) ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi."

[Menteri Pelajaran]

19. PN-1253-U15529
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyaran dan mencadangkan agar projek Perumahan Rakyat PR1MA di perbanyakkan lagi dan proses permohonannya dipermudahkan memandangkan rumah atau perlindungan merupakan salah satu keperluan manusia di dunia ini. Rumah juga merupakan suatu jaminan keselamatan dan kesihatan kepada penduduk dunia.Akibat kekurangan rumah atau tempat tinggal yang tidak terurus atau tidak menepati piawaian atau tidak lengkap atau tidak sesuai didiami, sudah tentu akan mewujudkan penyakit masyarakat yang lain termasuk penyalahgunaan najis dadah, kecurian, rogol, rompak, samun dan lain-lain. Atas sifat dan kesedaran akan kepentingan rumah kepada penduduk negara ini, pelbagai program telah dilaksanakan antaranya rumah mesra rakyat, rumah PPRT, rumah mampu milik dan rumah kos rendah/sederhana yang telah mendapat sambutan hangat di kalangan rakyat.Namun, melihat kepada penduduk negara kita yang berkembang pada kadar 3.5% setahun, saya rasa pertambahan berkenaan terus meningkat kepada keperluan rumah untuk berlindung. Justeru, pengekalan dan pelaksanaan rumah PRIMA adalah antara yang terbaik terutamanya di kalangan penduduk bandar. Bagaimanapun bilangan rumah berkenaan masih kecil dan perlu diperbanyakkan lagi. Saya suka mencadangkan agar pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus memberi ruang kepada GLC atau anak syarikat Kerajaan negeri untuk membina rumah PRIMA di samping SPNB dan UDA. Sementara, KPKT juga diminta mempermudahkan proses permohonan secara on-line dan memberikan jawapan segera terhadap permohonan berkenaan.

Ini penting sebagai slogan “Rumahku Syurgaku” yang memberi kesan psikologi kepada pemohon (rakyat) kerana dirasakan mereka dihargai. Kalau sesuai, rumah kedua/ketiga juga boleh ditimbangkan kepada pemohon sekiranya berlaku lambakan kepada rumah-rumah PRIMA."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (DEWAN NEGARA)

TAHUN 2012	RISALAT/DOKUMEN	TARIKH DIBENTANGKAN
ST.51	Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2011	3 Disember 2012
CMD.7	Laporan Ekonomi 2012 / 2013 Economic Report 2012 / 2013	3 Disember 2012
CMD.8	Penyata Daripada Kementerian Kewangan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2013	3 Disember 2012
CMD.9	Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2013.	3 Disember 2012
CMD.10	Senarai Perjawatan Di Kementerian-Kementerian dan Jabatan - Jabatan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2013. i) Jilid 1 ii) Jilid 2 iii) Jilid 3 iv) Jilid 4 v) Jilid 5 vi) Jilid 6	3 Disember 2012
CMD.12	Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2013.	3 Disember 2012
CMD.13	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri **Johor** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.14	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri **Kedah** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.15	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri **Kelantan** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.16	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri Melaka Tahun 2011	3 Disember 2012

TAHUN 2012	RISALAT/DOKUMEN	TARIKH DIBENTANGKAN
CMD.17	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi **Negeri Sembilan** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.18	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri **Pahang** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.19	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri **Perak** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.20	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri **Perlis** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.21	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri **Pulau Pinang** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.22	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri **Sabah** Tahun 2011.	3 Disember 2012
CMD.23	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri **Sarawak** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.24	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri **Selangor** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.25	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan / Agensi Negeri **Terengganu** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.26	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri **Johor** Tahun 2011	3 Disember 2012

TAHUN 2011	RISALAT/DOKUMEN	TARIKH DIBENTANGKAN
CMD.27	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri **Kedah** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.28	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri **Kelantan** Tahun 2011.	3 Disember 2012
CMD.29	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri **Melaka** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.30	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan **Negeri Sembilan** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.31	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri **Pahang** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.32	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri **Perak** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.33	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri **Perlis** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.34	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri **Pulau Pinang** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.35	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri **Sabah** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.36	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri **Sarawak** Tahun 2011	3 Disember 2012

TAHUN 2011	RISALAT/DOKUMEN	TARIKH DIBENTANGKAN
CMD.37	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri **Selangor** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.38	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri **Terengganu** Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.39	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 -Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Kementerian / Jabatan Kerajaan Persekutuan.	3 Disember 2012
CMD.40	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 **-**Aktiviti Kementerian / Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.	3 Disember 2012
CMD.41	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 -Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari	3 Disember 2012
CMD.42	Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan Dan Aktiviti Kementerian / Jabatan Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011	3 Disember 2012
CMD.43	Laporan Maklum Balas Daripada Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Serta Pengurusan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2011	3 Disember 2012